

30/05/1999

Rakyat muafakat hadapi isu JE

KUALA LUMPUR: Rakyat Malaysia menunjukkan kesepakatan yang padu dalam menangani wabak Japanese Encephalitis (JE) yang meragut kira-kira 100 nyawa, baru-baru ini, kata Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng.

Beliau berkata, meskipun rakyat negara ini terdiri pelbagai kaum dan agama, ia tidak membataskan komitmen mereka untuk bersama mengatasi tragedi berkenaan.

"Misalnya, bagi orang Melayu beragama Islam, babi adalah haram. Kebanyakan anggota pasukan pemusnah babi dan anggota pencegahan wabak ini adalah orang Melayu.

"Sebaliknya, masyarakat Melayu tidak meletakkan masalah ini kepada masyarakat Cina sungguhpun babi adalah haram kepada mereka," katanya ketika menghadiri Perayaan Hari Wesak di Persatuan Buddhist Malaysia cawangan Kuala Lumpur/Selangor di sini, semalam.

Chua yang juga Naib Presiden MCA berkata, agak menyedihkan apabila sikap terpuji itu cuba dipolitikkan oleh parti pembangkang.

Pas contohnya cuba mempersendakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dilantik mengetuai Pasukan Khas Menangani JE.

"DAP pula cuba membangkitkan emosi kepada penternak babi. Nyata, sikap pembangkang seperti ini lebih mementingkan diri sendiri dan bertujuan memancing undi," katanya.

Beliau juga berkata, kepimpinan negara yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan Malaysia negara maju dan makmur lebih mudah dicapai jika perpaduan rakyat sekarang terus dipertahankan.

Katanya, masalah kegawatan ekonomi yang melanda negara juga semakin menunjukkan tanda pemulihan positif.

"Walaupun beberapa negara jiran sedang berperang, rakyat berbunuh sesama sendiri dan kebuluran, tetapi kita di Malaysia masih berpadu teguh, harmoni dan masih menikmati kehidupan yang baik," katanya.

Beliau berkata, semua itu menjadi rahsia Malaysia masih mempertahankan kestabilan politik dan ekonomi.

(END)